

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-65

100,000 banjiri Dataran Merdeka

(1 SEPTEMBER 2022) BH, P4 - P5

**Keluarga Malaysia
teruja sambut
kemerdekaan
selepas dua tahun
tak dirai secara
besar-besaran**

Oleh Ahmad Subael Adnan,
Fahmy Azril Rosli, Raja
Noraina Raja Rahim, Mohd Amin
Jalil, Omar Ahmad dan
Noorazura Abdul Rahman
+ bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas dua tahun tidak diraikan pada skala besar akibat pandemik COVID-19, sambutan Hari Kebangsaan Ke-65 tahun ini kembali diwarnai keceriaan dan kibaran Jalur Gemilang oleh lebih 100,000 pengunjung di Dataran Merdeka, di sini.

Acara semalam bermula dengan ketibaan barisan kepimpinan negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin, kira-kira jam 7.45 pagi.

Sambutan secara rasmi bermula dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta kuda diraja, kira-kira jam 8 pagi.

Ia disusuli lintas hormat lima helikopter yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam melambangkan 14 negeri dalam Malaysia oleh 41 Bateri Istiadat Rejimen Artileri Diraja, diketuai Leftenan Kolonel Mohamad Asri Che Wil.

Lagu *Negaraku* kemudian berku- mandang, serentak dengan acara menaikkan Jalur Gemilang, diikuti lagu tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama, yang didendangkan hadirin bersama barisan artis tanah air.

Sambutan tahun ini menyaksikan pembabitan lebih 20,000 peserta persembahan dan perarakan, 76 haiwan dalam perkhidmatan, 369 aset darat dan 68 aset udara daripada pelbagai agensi di Dataran Merdeka, tapak bersejarah yang

menjadi saksi pengibaran Jalur Gemilang buat pertama kali pada 31 Ogos 1957.

Atlet pecut muda negara, Muhammad Azeem Mohd Fahmi yang menggayakan songket dan bertanjak diberi kepercayaan memimpin bacaan ikrar Rukun Negara. Beliau bersama 65 pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur turut melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali.

Keterujaan Keluarga Malaysia yang berbilang kaum menyaksikan kontinjen barisan hadapan COVID-19 ketika melakukan lintas hormat di hadapan pentas orang kenamaan, terserlah apabila memberi sorakan gemuruh kepada kontinjen itu.

Kehadiran melebihi jangkauan

Malah, kehadiran orang ramai pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 semalam melebihi jangkauan apabila lebih 100,000 pengunjung memenuhi Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya, berbanding 50,000 pengunjung jangkauan awal.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata pengunjung memenuhi kawasan perbarisan dan perarakan sepanjang tiga kilometer meliputi Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Raja dan Jalan Raja Laut, selain sekitar Jalan Tun Perak.

Sehubungan itu, beliau menzahirkan rasa puas hati dengan kejayaan penganjuran sambutan kemerdekaan negara tahun ini, khususnya kelancaran persembahan dan perarakan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 percaya sambutan menggalakkan pengunjung pada acara hari kemerdekaan itu disebabkan keterujaan orang ramai untuk kembali menyaksikan perarakan dan perbarisan serta pameran aset pertahanan negara, selepas dua tahun tanpa persembahan berkenaan.

"Ia juga disebabkan faktor *feel good* dalam kalangan rakyat, di samping tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' benar-benar mendapat sambutan rakyat," katanya.

Di sebalik peserta acara perbarisan yang berbaju celoreng dan pelbagai seragam pasukan keselamatan, 'terselit' kontinjen jurumasaak berbaju putih, berseluar hitam lengkap topi tinggi atau *toque* yang



Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah berangkat tiba menghadiri sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

“Bagi mengalami sendiri kemeriahan dan semangat patriotik sempena sambutan kali ini, saya bersama keluarga sanggup berjalan hampir 30 minit”

Yvonne Chin

“Saya teruja sambut Hari Kebangsaan kali ini kerana akhirnya dapat hadir dan saksikan kemeriahan dan perarakan besar-besaran”

Mohd Hishamudin Abdullah

turut berkawad bersama barisan wira negara.

Acara itu julung kali disertai lebih 40 cef atau jurumasaak daripada Persatuan Jurumasaak Malaysia. Ketika lalu di hadapan Pentas Diraja, kontinjen cef turut menarik perhatian Raja Permaisuri Agong yang berdiri ceria sambil melambatkan kepada kontinjen itu.

Hakikatnya, ketangkasan 'bersilat' di dapur dengan 'bersenjatakan' sudip dan senduk ketika menyediakan makanan di hospital apabila kapasiti wad hospital dipenuhi pesakit COVID-19 akibat wabak itu, pada awal 2020, wajar dihargai.

Dalam pada itu, tinjauan BH mendapati ada pengunjung datang seawal jam 6.30 pagi dengan menaiki pengangkutan awam untuk mengelak kesesakan lalu lintas.

Terdapat juga pengunjung yang sanggup meletak kenderaan jauh dan berjalan hampir 30 minit, untuk menyaksikan sendiri kemeriahan sambutan.

Pengunjung, Yvonne Chin, 50, kali pertama hadir menyambut Hari Kebangsaan bersama sembilan ahli keluarganya yang lain begitu teruja dengan sambutan kali ini.

“Bagi mengalami sendiri kemeriahan dan semangat patriotik sem-



Muhammad Azeem mengetuai bacaan ikrar Rukun Negara pada sambutan Hari Kebangsaan 2022. (Foto BERNAMA)



Suasana meriah ketika peserta membuat persembahan pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)



Orang ramai pelbagai lapisan hadir bagi menyaksikan acara perbarisan. (Foto Hazren Mohamad/BH)



Pesawat A400M dan Hercules C130 milik TUDM ketika menyertai perarakan di Dataran Merdeka. (Foto Aswadi Alias/BH)



Kenderaan perisai Angkatan Tentera Malaysia ketika perarakan di Dataran Merdeka, semalam.

pena sambutan kali ini, saya bersama ahli keluarganya sanggup berjalan hampir 30 minit untuk hadir di Dataran Merdeka," katanya.

Mohd Hishamudin Abdullah, 25, turut melahirkan keterujaan sambutan Hari Kebangsaan kali ini kerana akhirnya dapat hadir dan menyaksikan kemeriahan dan perarakan besar-besaran.

Pekerja swasta yang berasal dari Kajang, Selangor itu sanggup 'meredah' kesesakan pengunjug dalam tren Transit Aliran Ringan (LRT) seawal jam 7 pagi untuk ke Dataran Merdeka.

Bagaimanapun, di sebalik keha-

ngatan sambutan Hari Kebangsaan, ada yang kecewa kerana tidak dapat melihat perarakan secara dekat.

Tinjauan mendapati ribuan pengunjug terpaksa berdiri dan duduk di kaki lima sepanjang jalan menuju Dataran Merdeka selepas tidak dapat menghampiri lokasi sambutan yang sudah dipenuhi orang ramai.

Pengunjug dari Melaka, Mohammad Rashid Ahmad, 66, berkata dia bersama isteri yang menginap di rumah anaknya di Bukit Jalil di sini, sebelum mereka sekeluarga bergerak ke Dataran Merdeka seawal

jam 5 pagi.

Lautan manusia

Katanya, mereka meletakkan kenderaan di KL Sentral dan menaiki LRT ke Masjid Jamek, namun apa yang mengejutkan sebaik tiba dia melihat lautan manusia berjalan ke arah lokasi sambutan.

Di Seremban, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, berkenan untuk menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2022 Pering-

kat Negeri Sembilan.

Sebanyak 81 kontinjen merangkumi 5,000 peserta menyertai perbarisan sambutan itu di Padang Malilis Bandaraya Seremban (MBS).


Di Iskandar Puteri, lebih 6,000 pengunjug membanjiri Dataran Iskandar Puteri di sini, bagi sama-sama memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat negeri, semalam.

Sambutan dimulakan dengan perbarisan kontinjen kira-kira jam 7.30 pagi, disusuli ucapan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, antara lain mahu semangat Bangsa Johor yang meraikan hari kebang-

saan diteruskan demi menghargai perjuangan orang terdahulu.

Di Alor Setar, lebih 20,000 pengunjug memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat negeri di Dataran Medan Bandar, bagi menyaksikan Istiadat Perbarisan dan Perarakan membabitkan 6,000 peserta daripada 115 kontinjen pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff berkenan berangkat kira-kira jam 9 pagi, diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.



Kontinjen barisan hadapan yang menyertai perarakan di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)



Antara pengunjug yang teruja menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan 2022. (Foto Genes Gulitah/BH)